

Kerjaya Prospek dapat kontrak bina rumah mewah di Bukit Tunku



Kerjaya Prospek Group Bhd memperoleh kontrak bernilai RM529.32 juta bagi pembangunan kediaman mewah di Bukit Tunku, Kuala Lumpur.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam, syarikat itu berkata, anak syarikat milik sepenuhnya, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd, menerima kontrak berkenaan pada Jumaat lalu daripada BRDB Developments Sdn Bhd.

Kerja pembinaan bermula serta-merta dengan tempoh siap selama 33 bulan.

Projek itu membabitkan pembinaan lapan blok kediaman vila yang merangkumi 146 unit, dua blok tempat letak kereta dan dua aras bawah tanah, selain kemudahan bersama dan sebuah rumah kelab di Lot 480191, Jalan Gallagher, Taman Duta.

Kerjaya Prospek berkata, kontrak berkenaan akan menyediakan sumber pendapatan tambahan bagi tempoh tiga tahun akan datang, di samping meningkatkan buku pesanannya.

Ia juga dijangka menyumbang secara positif kepada keuntungan dan aset bersih sesaham syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026 hingga tahun kewangan 2029.

Khamis lalu, kumpulan itu mengumumkan kerjasama dengan Aspen Vision Development Sdn Bhd, anak syarikat milik Aspen (Group) Holdings Ltd, untuk membangunkan projek bercampur seluas 34.84 ekar di Perai, Pulau Pinang, di atas tanah milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC), sebagai sebahagian daripada usaha memperluaskan kehadirannya dalam pasaran hartanah utara.

Sehingga akhir Mac 2026, nilai buku pesanan pembinaan tertunggak Kerjaya Prospek berjumlah RM4.3 bilion.

Bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2026, keuntungan bersih Kerjaya Prospek meningkat 24 peratus kepada RM57.34 juta berbanding RM46.07 juta pada tempoh sama tahun sebelumnya, disokong oleh jualan hartanah yang lebih tinggi yang mengimbangi penurunan bil pembinaan.